

8. SYARAT-SYARAT DAN TERMA PERMOHONAN

SYARAT AM PERMOHONAN

- 1 Pemohon adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia (Syarikat Sdn. Bhd.)
- 2 Lesen pengeluaran FINAS hendaklah masih aktif sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh luput semasa permohonan dibuat
- 3 Lebih daripada lima puluh satu peratus (51%) pemilikan sah dan benefisial pemohon terletak hak pada warganegara Malaysia
- 4 Syarikat tidak mempunyai 'on going' projek DKD atau telah menerima surat tutup projek daripada FINAS
- 5 Syarikat / Penerbit mempunyai kemampuan kewangan bagi memulakan penggambaran selaras dengan syarat penyaluran dana berdasarkan kaedah *Milestone* DKD
- 6 Projek yang dimohon adalah projek yang bersedia untuk penggambaran
- 7 Syarikat mempunyai tenaga produksi yang mempunyai pengalaman dalam bidang produksi (Pelakon, Pengarah, Penulis Skrip, Pengurus Produksi, Penerbit Drama / Filem Pendek / Iklan / Dokumentari / Rancangan TV, Pengarah Fotografi - DOP)
- 8 Syarikat membuat pecahan perbelanjaan projek dengan mengambil kira jumlah keseluruhan projek dan peruntukan dana dari FINAS iaitu sehingga RM1,000,000.00 sahaja (tidak termasuk promosi, pengedaran & operasi syarikat)
- 9 Syarikat hanya dibenarkan memohon 1 permohonan sahaja

SYARAT KHUSUS

- 1 Mempunyai baki peruntukan dalam penyata kewangan semasa syarikat sekurang-kurangnya 5% dari jumlah kos keseluruhan produksi
- 2 Keutamaan rekod prestasi syarikat yang baik, termasuk latar belakang pengarah, penulis skrip dan tenaga produksi berpengalaman atau pernah memenangi anugerah /pengiktirafan di peringkat festival filem tempatan atau antarabangsa
- 3 Keutamaan projek yang mempunyai potensi kerjasama yang dimeterai melalui perjanjian dengan produksi tempatan dan/atau antarabangsa serta mempunyai sumber penaja/pelabur luar
- 4 Syarikat mampu untuk menyiapkan filem dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak boleh melebihi 12 bulan mulai dari tarikh perjanjian kontrak ditandatangani